

BERNAMA › BERITA

[Share on facebook](#) [Share on twitter](#) [Share on email](#) [Share on print](#) [More Sharing Services](#)

PSP Gondol Emas APACC, Graduan Punyai Potensi Pasaran Antarabangsa

BUKIT MERTAJAM, 25 Jun (Bernama) -- Politeknik Seberang Perai (PSP) berjaya mendapat anugerah pingat emas bagi Akreditasi Peringkat Antarabangsa Asia Pasifik (APACC), kata Pengarahnya Zulkifli Ariffin.

Beliau berkata pengiktirafan ini amat bermakna kerana ini terbukti graduan politeknik sudah mencapai standard antarabangsa dan mempunyai potensi pasaran pekerjaan di peringkat antarabangsa.

"Graduan PSP boleh bekerja di syarikat/organisasi di luar negara dan kelayakan mereka sudah diiktiraf," katanya pada sidang media bagi mengumumkan kejayaan itu, di sini hari ini.

Anugerah itu diterima PSP pada 22 Jun di Manila, Filipina selepas proses penilaian kira-kira setahun tiga bulan.

Zulkifli berkata PSP mendapat merit markah yang tinggi iaitu 480 daripada 500 serta memenuhi kriteria penting yang menjadi syarat utama bagi mendapat anugerah emas itu.

Tujuh kriteria yang perlu dipenuhi dalam proses penilaian APACC adalah pentadbiran dan pengurusan; pengajaran dan pembelajaran; fakulti dan staf; penyelidikan dan pembangunan; hubungan luar, konsultasi dan jaringan; sumber dan sokongan kepada pelajar.

APACC ialah sebuah badan akreditasi di bawah Colombo Plan Staff College For Technician Education (CPSC) yang berpusat di Manila bagi menilai dan memberi anugerah kepada institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang layak.

Zulkifli berkata sebanyak 87 buah institusi daripada 17 negara yang memohon dan hanya 29 buah yang layak dinilai, sebelum proses penapisan dilakukan bagi memilih tujuh buah institusi yang terbaik.

Selain PSP, tiga lagi institusi dari Malaysia turut mendapat penarafan pingat emas ialah Politeknik Kota Baharu, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dan Politeknik Sultan Azlan Shah.

-- BERNAMA